**MALAYSIA RAPID TRANSIT CORPORATION SDN BHD** (No. Syarikat 201001019176(902884-V))

(Dahulu di kenali sebagai Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd)

(Syarikat Milik Menteri Kewangan Diperbadankan)

# KENYATAAN PERMOHONAN MENGEMUKAKAN CADANGAN (RFP)

**Malaysia Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (902884-V) ("MRT Corp")** ialah sebuah syarikat yang dimiliki oleh Menteri Kewangan (Diperbadankan). Sebagai pemaju infrastruktur rel metro Malaysia, MRT Corp diamanahkan dengan pembangunan dan penyiapan projek rel bandar strategik seperti Transit Aliran Deras Lembah Klang (KVMRT), RTS Link Johor Bahru - Singapura, dan Laluan LRT Mutiara Pulau Pinang, untuk menyokong mobiliti mampan dan pembangunan negara.

MRT Corp ingin mempelawa pembida-pembida yang berminat untuk mengemukakan bidaan bagi RFP berikut:

| TAJUK CADANGAN DAN NOMBOR RFP | SYARAT-SYARAT RFP | PRA-PENDAFTARAN RFP DAN TAKLIMAT | TARIKH PENYERAHAN DOKUMEN RFP |
|---|---|---|---|
| ***REQUEST FOR PROPOSAL (RFP) FOR RENTAL OF CAR PARK BAYS FOR ELECTRIC VEHICLE (EV) CHARGING SYSTEM AT DESIGNATED CAR PARK BAYS FOR MRT KAJANG LINE AND MRT PUTRAJAYA LINE***<br><br>***(RFP NO: MULP-MRTC-GENE-OVPR-RFP-000004)*** | **Pembida hendaklah memenuhi syarat-syarat berikut:**<br>1. Sijil berdaftar dengan **Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM);**<br>2. **Sijil Pematuhan Cukai (TCC)** semasa dengan status **'Patuh'**.<br><br>**Kriteria Mandatory Teknikal**<br>1. Syarikat perlu mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya tiga (3) tahun dalam operasi dan pengendalian Infrastruktur Pengecasan Kenderaan Elektrik (EV) sebagai *Charge Point Operator* (CPO) | Pendaftaran akan dibuka mulai **Isnin, 15 Jun 2026** sehingga **Jumaat, 26 Jun 2026.**<br><br>Hanya pembida yang telah berjaya mendaftar serta memenuhi semua syarat-syarat RFP akan layak menerima Dokumen RFP yang akan diberikan secara percuma melalui emel.<br><br>**Taklimat dan Lawatan Tapak**<br>Tarikh: 29 Jun 2026, (Isnin)<br>Waktu: 10:00 pagi<br>Tempat: Google Meet<br>Pautan sesi taklimat akan dihantar ke alamat e-mel yang dinyatakan dalam pendaftaran atas talian dan lawatan tapak akan diadakan pada hari berikutnya.<br><br>**PRA-PENDAFTARAN**<br>Semua pemohon yang berminat hendaklah membuat pra-pendaftaran melalui borang dalam talian di salah satu pautan berikut:<br>1. Laman Web MRT Corp http://www.mymrt.com.my;;<br>2. https://forms.gle/xSuQ4qPWKsqerAW3A;<br>3. Imbas Kod QR yang disediakan.<br><br>Wakil syarikat yang dinamakan hendaklah merupakan pegawai utama yang berkelayakan serta mempunyai pengetahuan dalam urusan RFP dan kontrak berkaitan skop, dan hendaklah diberi kuasa secara rasmi melalui surat kebenaran syarikat, terdiri daripada salah satu jawatan berikut:<br>1. Pengarah Urusan; atau<br>2. Pengurus Projek; atau<br>3. Pengurus Kontrak atau setaraf. | Dokumen RFP yang lengkap hendaklah dikemukakan selewat-lewatnya pada **12:00 tengah hari, Isnin, 13 Julai 2026.** |

**Nota:**

1. Tawaran hendaklah dibuat menggunakan Dokumen RFP yang dikeluarkan oleh MRT Corp sahaja.
2. Pembida hendaklah mengemukakan Dokumen RFP yang telah lengkap diisi bersama semua dokumen sokongan mengikut format dan kaedah yang dinyatakan dalam Dokumen RFP dan sebarang penyerahan lewat tidak akan diterima.
3. Semua pembida hendaklah mematuhi segala keperluan statutori, peraturan dan undang-undang yang berkuat kuasa di Malaysia termasuk sebarang pindaan atau penguatkuasaan semula.
4. Dengan pengeluaran Notis ini, MRT Corp tidak terikat untuk menerima tawaran terendah, tertinggi atau mana-mana tawaran.
5. MRT Corp berhak menerima atau menolak mana-mana tawaran tanpa memberikan sebarang alasan dan tanpa menanggung sebarang liabiliti kepada pembida terlibat.
6. Sebarang pertanyaan berkaitan RFP ini hendaklah dikemukakan secara bertulis melalui emel ke procurement@mymrt.com.my.